



## **TEKS UCAPAN MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023**

**YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**TEMA:**

**KEMAMPMAN SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA  
TERAS MENGEMUDI CABARAN KRISIS GLOBAL**

**16 JANUARI 2023 (ISNIN) | 10.00 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS BAWAH, BLOK 4G1,  
WISMA TANI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh dan Salam  
Sejahtera,

**[SALUTASI]**

**YB TUAN CHAN FOONG HIN**

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

Ketua Setiausaha

**PUAN AZAH HANIM BINTI AHMAD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

**YBHG. DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Setiausaha Bahagian Kanan, Setiausaha-Setiausaha  
Bahagian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian,

## **[KATA ALU-ALUAN]**

Selamat Pagi dan Salam Perpaduan,

1. Alhamdulillah. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Amanat saya bersama warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) untuk Tahun Baharu 2023.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 kepada seluruh warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Terima kasih juga kepada YBhg Dato KSU dan pasukan Urusetia di atas penganjuran Majlis pada pagi ini. Kehadiran tuan/puan ke majlis ini amatlah saya hargai. Walaupun negara kita sudah hampir pulih daripada pandemik COVID-19, namun segala prosedur operasi standard (SOP) harus kita amalkan sepanjang masa, terutamanya selepas varian baharu yang lebih cepat berjangkit telah dikenal pasti baru-baru ini.
3. Tema amanat yang diangkat pada hari ini, iaitu **Kemampanan Sektor Agromakanan Negara Teras Mengemudi Cabaran Krisis Global** adalah manifestasi

kepada peranan Kementerian ini sebagai penjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi dan tersedia buat semua rakyat Malaysia.

### [Penjenamaan Semula MAFI Kepada MAFS]

4. Seiring dengan itu, Kementerian ini juga yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah dijenamakan semula sebagai **Kementerian Pertanian dan Kerterjaminan Makanan** atau ***Ministry of Agriculture and Food Security (MAFS)*** sebaik sahaja Kerajaan Perpaduan dibentuk. Penjenamaan ini bukanlah sekadar atas nama semata-mata tetapi memaparkan komitmen Kerajaan Perpaduan untuk menjamin kebolehcapaian makanan yang cukup dengan harga berpatutan kepada rakyat di kala negara berhadapan dengan inflasi makanan global.
  
5. Penjenamaan ini berasaskan kepada fokus Kerajaan terhadap 4 dimensi keterjaminan makanan yang digariskan oleh *Food and Agriculture Organization (FAO)* iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampunan seiring dengan objektif Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN

2.0). Justeru, 4 dimensi ini akan menjadi kayu ukur kepada Kementerian dalam memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang.

### [Ibrah Dari Surah Yusuf Ayat 46]

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Allah SWT berfirman di dalam surah Yusuf ayat yang ke-46, yang bermaksud:

يُوسُفُ أَيُّهَا الصِّدِيقُ أَفْتَنَا فِي سَبْعٍ بَقَرْتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عَجَافٌ وَسَبْعٌ  
سُنْبَاتٍ خُضْرٌ وَآخَرَ يَأْسَاتٍ لَعَنِّي أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ

(Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): "Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya".

7. Melalui ayat ini Allah SWT menceritakan kepada kita tentang kisah Raja Mesir yang mendapat petunjuk daripada Allah SWT melalui mimpiannya. Raja tersebut meminta Nabi Yusuf mentafsirkan mimpi itu dan Nabi Yusuf AS memberitahu kepada Raja Mesir bahawa negeri mereka akan dilanda kemarau tujuh tahun akan datang. Lalu persiapan rapi telah dibuat bagi menghadapi kemarau itu dan mengelakkan rakyat mereka mati kebuluran.
8. Pada zaman ini mimpi itu boleh diumpamakan sebagai data-data yang diperoleh dari kajian yang dikeluarkan oleh mereka yang arif dalam bidang masing-masing. Kini kita telah mempunyai data yang menunjukkan bahawa dunia bakal berhadapan dengan krisis bekalan makanan, kenaikan inflasi, pemanasan global dan perubahan iklim. Sektor pertanian antara sektor yang dijangka akan terkesan dengan faktor-faktor yang telah dinyatakan tadi.
9. Justeru itu, satu perancangan dan tindakan yang tersusun perlu dilakukan segera oleh kita semua bagi mencukupkan bekalan makanan dalam negara dan memastikan rakyat mempunyai akses kepada semua jenis nutrien yang diperlukan.

10. Sebelum ini saya telah diamanahkan untuk menjaga keselamatan negara selaku Menteri Pertahanan dan sekarang saya diamanahkan pula untuk menjaga keterjaminan makanan atau *food security*. Bagi saya, tugas sebagai Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan lebih mencabar kerana rakyat boleh hidup tanpa peluru tetapi rakyat tidak boleh hidup tanpa makanan.

### **[Peningkatan Harga Input Makanan]**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Krisis global berikutan faktor 4C ( *Covid-19, Conflict, Climate & Currency* ) telah menjelaskan industri ternakan unggas sebagaimana sebagaimana yang terjadi kepada isu kekurangan bekalan ayam dan telur ayam susulan daripada kenaikan harga input ternakan. Situasi ini telah memaksa Kerajaan untuk melaksanakan intervensi kawalan harga yang berpanjangan selama 335 hari. Ini mengakibatkan berlaku herotan (gangguan) dan *market distortion* dalam corak bekalan dan permintaan produk ayam dan telur ayam dalam pasaran tempatan.

12. Pada masa ini, gangguan dan kekurangan bekalan perlu ditampung melalui intervensi Kerajaan bagi menstabilkan bekalan dan harga. Kekurangan dalam pembekalan sudah pasti akan meningkatkan harga, yang secara tidak langsung memberi kesan kepada rakyat. Berikutnya isu kekurangan telur yang berlaku pada tahun lepas, MAFS telah memperuntukkan sebanyak RM1.8 bilion untuk pemberian subsidi bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam dan telur ayam di pasaran. Walau bagaimanapun, pemberian subsidi ayam dan telur kepada pihak industri ini hanya bersifat sementara dan dilihat tidak mampan bagi tempoh jangka panjang.
  
13. Isu bekalan ayam yang telah dialami sebelum ini telah pun kembali pulih dan dalam keadaan yang terkawal. Di sinilah saya ingin menekankan akan pentingnya peranan Kementerian untuk mengenalpasti langkah mitigasi jangka panjang dan jangka pendek dalam usaha mengatasi kekurangan bekalan makanan apabila berlaku krisis di masa akan datang. Kebergantungan yang tinggi kepada makanan import perlu diminimumkan dalam usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan. Krisis bekalan makanan yang mula melanda dunia menunjukkan sudah tiba masanya isu ini diberi perhatian serius oleh pihak

bertanggungjawab bagi menjamin setiap rakyat mempunyai akses kepada makanan mencukupi pada bila-bila masa demi kehidupan sihat.

14. Justeru , Sekuriti dan Keterjaminan Makanan Negara perlu diteruskan dan diperkuuh melalui kerjasama pada peringkat Persekutuan dan negeri berlandaskan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021-2025) dan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030). Kita tidak lagi boleh bekerja secara silo. Penglibatan Kementerian, agensi-agensi pusat dan pemegang-pemegang taruh perlu dipergiat dalam melaksanakan dasar-dasar yang menyokong visi dan misi Kementerian ini.

### **[Bencana Alam Terhadap Sektor Agromakanan]**

Warga Kementerian yang saya kasihi,

15. Kita akui kesan perubahan iklim mengakibatkan bencana banjir menjadi lebih serius serta sering berlaku di luar jangkaan. Jabatan Metereologi Malaysia menjangkakan bahawa Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh akan berterusan sehingga bulan Mac nanti. Hal ini memberi kesan terhadap sektor agromakanan negara yang boleh

mengancam keterjaminan bekalan makanan nasional. Oleh itu, pemberian subsidi kepada para petani yang terjejas merupakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meringankan beban rakyat.

16. Musim tengkujuh ini dilihat telah memberi kesan kepada 8,166 orang petani dengan keluasan kawasan terjejas dianggarkan sebanyak 13,244 hektar, dengan nilai kerosakan dianggarkan sebanyak RM48.6 juta.  
**Pengagihan bantuan kepada para petani perlu disegerakan supaya apa sahaja gangguan terhadap bekalan makanan negara dapat dielakkan dan seterusnya dapat dipulihkan.**
17. Justeru, kita mestilah komited untuk sentiasa berusaha mencari penyelesaian terbaik menerusi libat urus berterusan dalam usaha memperkuuh keterjaminan bekalan makanan negara. Apa yang ingin saya tekankan di sini adalah kita perlu lebih agresif memikirkan inisiatif untuk mencari langkah penyelesaian jangka panjang seperti ***climate change adaptation***.
18. Saya juga berharap MAFS akan terus komited bersama-sama saya dalam memastikan ketangkasan dan daya tahan rantai bekalan bagi sektor agromakanan untuk

terus kekal lancar dan berdaya saing walaupun dalam menghadapi situasi bencana alam.

### **[Status Bekalan Makanan Negara]**

Hadirin sekalian,

19. Pada masa kini, kedudukan tahap keterjaminan makanan di Malaysia masih stabil. Usaha yang diambil oleh Kerajaan antaranya adalah melalui pemberian pelbagai jenis subsidi dan peningkatan import untuk memastikan kecukupan bekalan makanan. Berdasarkan trend pengeluaran dan import semasa, MAFS yakin bahawa bekalan makanan dalam negara mencukupi bagi menampung keperluan domestik untuk lapan (8) komoditi utama iaitu ayam, daging, susu segar, telur, ikan, buah, sayur dan beras.
  
20. Meskipun pengeluaran makanan negara menunjukkan trend peningkatan, ianya masih tidak dapat mengimbangi peningkatan dalam sekuriti makanan. Keselamatan makanan boleh dilihat dari segi ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan. Ketersediaan fizikal bermakna makanan mesti tersedia dengan mudah, manakala kebolehcapaian fizikal

bermakna bukan sahaja makanan mesti ada, ia juga mesti boleh diakses.

21. Prestasi Malaysia dalam *Global Food Security Index* (GFSI) bagi tahun 2022 telah menunjukkan:
  - (i) Malaysia berada di tangga **ke-41 dari 113 buah negara** bagi **tahun 2022** dengan mencatat prestasi yang sederhana dengan skor sebanyak 69.9; dan
  - (ii) berdasarkan *ranking*, Malaysia **berada di kedudukan ke-8 dalam kalangan negara Asia Pasifik**; manakala dalam kalangan negara Asia Tenggara (ASEAN), **Malaysia berada di tangga ke-2 selepas Singapura**.
22. Secara keseluruhannya, langkah transformasi keterjaminan makanan negara perlu diambil. Kita perlu meningkatkan terutamanya pembiayaan awam terhadap penyelidikan dan pembangunan dalam pertanian; penglibatan proaktif dalam kalangan ahli akademik dan sektor swasta serta penggalakkan inovasi; dan langkah mitigasi bagi menangani ancaman perubahan iklim.

23. Kebergantungan kita kepada import semakin meningkat. Data menunjukkan peningkatan sebanyak 20.6 % jika dibandingkan Januari hingga September 2022 berbanding tempoh sama tahun lalu. Ini memberikan cabaran yang berterusan kepada Kementerian untuk menangani isu kebergantungan import makanan ini. Keadaan ekonomi dunia dijangka akan menjadi lebih mencabar pada tahun 2023. Krisis tenaga dan keterjaminan makanan masih menjadi antara ancaman utama ekonomi khususnya bagi negara membangun. Malahan, sekiranya pergolakan geopolitik dunia dan krisis Rusia–Ukraine masih berterusan, tidak mustahil ekonomi dunia akan memasuki fasa kemelesetan. Dalam kes Malaysia, ketiadaan jaminan makanan mencetuskan kebimbangan rakyat, terutama kepada golongan rentan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40). Ini disebabkan kesannya dirasai ketara pada harga makanan ruji seperti beras, ayam dan telur terutama apabila harga barang makanan semakin meningkat selepas tempoh perayaan. Justeru, prospek sektor agromakanan negara diramal akan berhadapan cabaran khususnya dalam mengekalkan pertumbuhan perdagangan berikutkan peningkatan ketidaktentuan geopolitik serta penyusutan eksport negara.

## [PROSPEK TAHUN 2023]

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### [Hala Tuju dan Fokus Utama Kementerian]

24. Keterjaminan Makanan merupakan antara perkara yang menjadi keutamaan Kerajaan Perpaduan dan langkah pertama untuk menyampaikan mesej ini terserah dengan perubahan nama kementerian sepetimana yang saya sebutkan di awal ucapan saya tadi. Secara khususnya, MAFS akan menumpukan kepada 4 dimensi sekuriti makanan merangkumi ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampunan untuk mencapai misi ini seiring dengan objektif **Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025** dan **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)**.
25. Justeru, bagi menjayakan agenda keterjaminan makanan negara, saya ingin menggariskan 5 hala tuju dan fokus utama Kementerian mulai 2023 iaitu:
  - (i) yang pertama, ialah memperkasakan industri akuakultur. Industri ini dapat

mengurangkan kebergantungan sumber ikan negara melalui aktiviti perikanan tangkapan (*captured fisheries*). Sejak 2014 sehingga 2019, akuakultur menyumbang di antara 20-26% penghasilan ikan berbanding 74-80% penghasilan ikan melalui aktiviti perikanan tangkapan laut pantai dan laut dalam. Sehubungan itu, **Kerajaan menyasarkan peningkatan hasil ikan daripada aktiviti akuakultur kepada 60%** untuk mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber perairan semulajadi di samping meningkatkan pendapatan melalui industri akuakultur;

- (ii) yang kedua, ialah **memperluas penternakan lembu secara fidlot**. Kadar kebergantungan import daging negara semakin meningkat iaitu sehingga mencapai 81.6%. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kementerian ini dapat membangunkan semula ladang mega ternakan lembu secara fidlot. Hasrat ini adalah bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan dan eksport dapat mencapai sasaran 50% daging (SSR) menjelang tahun 2025;

(iii) yang ketiga, ialah **penanaman jagung bijian (grain corn)**. Blueprint Industri Jagung Bijian Negara menyasarkan pengeluaran sebanyak 600 ribu metrik tan jagung bijian untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus dijangka akan mengurangkan kebergantungan kepada import sehingga 30%. **Ini kerana, negara kita mengimport hampir 100% jagung bijian atau kira-kira 2 juta tan setahun dari negara seperti Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat.** Saya percaya langkah ini secara langsung InsyaAllah mampu mengawal kenaikan harga makanan ternakan. **Oleh yang demikian, saya amat berharap penanaman jagung bijian dapat kita mulakan pada tahun ini juga;**

(iv) yang keempat, ialah **englidan golongan belia dipertingkatkan** untuk berkecimpung dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar . Ini kerana cabaran utama adalah isu pekerja asing dan *ageing farmers*. Kementerian perlu memastikan langkah bagi meremajakan sektor pertanian diteruskan dengan menggalakkan penglibatan golongan

belia, mengaplikasikan teknologi pertanian moden dan mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian. Sektor agromakanan menyediakan peluang dan prospek perniagaan yang luas bagi golongan muda membabitkan diri dalam sektor penting negara. Dengan pembabitan mereka (golongan muda), ia juga boleh membantu dalam usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan dengan mengurangkan kebergantungan kita kepada makanan import. **Golongan belia juga dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi pertanian moden dan pintar selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).**

- (v) yang kelima, ialah **memperkasakan institut latihan pertanian** dalam melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dalam bidang teknologi pertanian, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pertanian moden dan pintar selaras dengan hasrat negara dalam membentuk pekerja mahir pertanian. Di bawah

MAFS sendiri, kita telah mempunyai 13 pusat latihan bertauliah, maka usaha perlu dilaksanakan secara berterusan bagi membangunkan bakat yang mampu memenuhi permintaan pasaran dan industri. Peningkatkan pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu dilihat sebagai agen utama dalam merevolusikan industri pertanian negara seperti yang dilakukan oleh negara Thailand, Vietnam, China dan Poland dalam usaha mengatasi isu kemiskinan dan keselamatan makanan di negara berkenaan.

- (vi) Pelaburan dalam R&D adalah cara terbaik untuk memastikan kelestarian keselamatan makanan. Menaik taraf R&D dalam sektor pertanian adalah usaha penting perlu dilakukan bersama-sama petani dan ejen berkaitan bagi menggalakkan penyertaan serta penglibatan awam dalam proses penyelidikan dan pembuatan dasar lebih inklusif.

Warga Kementerian yang saya kasihi,

### **[Kerjasama Rentas Kementerian]**

26. Dalam daya upaya kita memastikan tahap keterjaminan makanan negara kekal terjamin, usaha sama yang utuh (*collaborative effort*) amat diperlukan daripada pelbagai pihak seperti Kementerian, jabatan/agensi, kerajaan negeri, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhannya melalui *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Society Approach*.
27. Usaha-usaha ini juga boleh dimaterialisasi melalui jalinan kerjasama secara bilateral dan multilateral (*food diplomacy*) yang lebih proaktif dengan negara-negara luar. Kementerian juga boleh menggunakan platform GtoG (Government to Government) ini sebagai kaedah untuk memanifestasi dan memasarkan pelbagai produk agromakanan tempatan.
28. Isu-isu berkaitan keterjaminan makanan merupakan isu yang merentasi pelbagai Kementerian; dan MAFS perlu memperkuuhkan lagi jalinan kerjasama stategik dengan Kementerian dan agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal harga bekalan makanan; Kementerian Kesihatan (KKM) yang dipertanggungjawabkan dari segi keselamatan makanan; Agensi Nuklear Negara dan universiti tempatan untuk penggalakan R&D.

29. Dalam hal ini, komitmen Kerajaan dalam merangka strategi khusus bagi memastikan sektor pertanian negara tidak ketinggalan dan menunjukkan pertumbuhan seperti diharapkan adalah amat penting. Galakan berterusan dan sokongan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, infrastruktur mahupun latihan kepada belia menceburi bidang agrokeusahawanan berupaya mentransformasikan sektor dan industri ini kepada pertanian moden berdasarkan teknologi tinggi yang mampu melipatgandakan tahap pengeluaran makanan tempatan.
30. Dalam memastikan sektor agromakanan kekal mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi, saya menyeru seluruh warga Kementerian untuk bersama-sama dengan saya memastikan setiap program dan projek yang dilaksanakan adalah selari dengan objektif dan matlamat DAN 2.0. Peranan pihak swasta dalam pemerkasaan sektor pertanian wajar diberi perhatian

sewajarnya kerana kebanyakan syarikat estet swasta ini mempunyai unit penyelidikan mereka tersendiri dalam membangunkan teknologi tanaman.

### **[Nasihat Saidina Ali Kepada Gabenor Mesir, Malik Al-Asytar]**

31. Di dalam perutusan Tahun Baharu YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengingatkan kita semua tentang surat dari Saidina Ali kepada Gabenor Mesir, Malik Al-Asytar berkaitan dengan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan kakitangan kerajaan.
32. Saya ingin memetik nasihat dari Saidina Ali yang boleh kita sama-samajadikan panduan:

*Sesungguhnya kemajuan negara bergantung kepada hasil mahsulnya. Kamu hendaklah mengutamakan penjagaan rapi tanah yang diusahakan lebih daripada kutipan hasilnya kerana hasil tidak dapat dikutip melainkan tanah itu subur dengan tanaman.*

*Sesiapa yang meminta hasil tanpa menolong petani memajukan tanahnya akan menyusahkan para petani dan merosakkan negara.*

*Yang menyebabkan para petani mengalami kehancuran ialah pemerintah yang hanya berminat untuk mengumpulkan harta kekayaan semata-mata kerana mereka takut tidak dapat memerintah lama.*

33. Segala citra dan hasrat yang saya gariskan tadi hanya mampu berjaya dilaksanakan dengan komitmen padu dan mentaliti yang ditonjolkan oleh warga Kementerian dan golongan sasar Kementerian. Warga Kementerian perlu meneruskan amalan budaya berintegriti tinggi, amanah dan cekap yang merupakan etika kerja yang sangat penting kepada pencapaian hasil kerja yang berkualiti tinggi sepetimana yang diungkapkan oleh Saidina Ali r.a, “*Bereskanlah kerja pada satu-satu hari itu pada hari yang sama juga kerana hari-hari yang mendatang akan membawa masalah yang lain pula.*”

## **[PENUTUP]**

34. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin memberi penekanan bahawa pendekatan keseluruhan Kerajaan atau *whole of government approach* dengan mengutamakan keperluan dan suara rakyat adalah amat penting dalam menyahut cabaran keterjaminan makanan negara. Dalam hal ini, pendekatan secara *bottom-up* dan *top-down* akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan secara strategik.
35. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus lumus secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh dan Selamat Sejahtera.

**Pejabat Menteri**

**Kementerian Pertanian dan Kerterjaminan Makanan**

**Januari 2023**